

Jurnal Perspektif

by Sukri Nyompa

Submission date: 09-Feb-2023 01:24PM (UTC+0800)

Submission ID: 2009906712

File name: Jurnal_-_Migrasi_dan_Impaknya_TerhadapAspek_Sosial_dan_Eko.pdf (437.12K)

Word count: 5110

Character count: 31230

Migrasi dan Impaknya Terhadap Aspek Sosial dan Ekonomi di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia

*Migration and Its Impacts on Social and Economic Aspects in
Makassar City, South Sulawesi, Indonesia*

Sukri Nyompa¹, Noraziah Ali², Mohd Fuad Mat Jali², Katiman Rostam².

¹Department of Geography, Universiti Negeri Makassar, South Sulawesi, Indonesia.

5 Email: sukri_nyompa@yahoo.com.id

²Centre for Social, Development and Environmental Studies, Faculty of Social Sciences and
Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Selangor

Abstrak

Kajian ini menganalisis pola migrasi dan impaknya terhadap aspek sosial dan ekonomi di Bandar Makassar. Bandar Makassar merupakan ibukota bagi Sulawesi Selatan terletak di lokasi strategik dan berfungsi sebagai pusat perhubungan antara wilayah barat ke timur mahupun dari wilayah utara ke selatan Indonesia. Posisi ini menyebabkan bandar Makassar mempunyai daya tarikan yang cukup kuat bagi para migran. Jumlah penduduk bandar Makassar pada tahun 2000 ialah 1.1 juta orang dan 38.2 peratus daripada jumlah itu adalah migran. Nisbah meningkat pada tahun 2010 kepada 43.62 peratus. Bilangan terbesar berasal dari bandar Bone, diikuti oleh Tana Toraja dan Jeneponto. Ciri migran berbeza-beza, terutama dari segi jumlah, umur, jantina, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Migrasi dikenalpasti sebagai punca kepadatan penduduk dan tekanan persekitaran, penawaran tenaga kerja meningkat, peningkatan pendidikan, persaingan pekerjaan, peningkatan kadar jenayah dan kesesakan petempatan. Sehubungan itu, pihak berkuasa bandar Makassar memerlukan polisi, strategi dan rancangan dan penerapan akta secara tegas dan tepat untuk mengatasi migrasi di bandar Makassar.

Katakunci: migran, migrasi, mobiliti sosial, Makassar

Abstract

This study analyzes the patterns and impact of migration on social and economic condition of the city of Makassar. Bandar Makassar is the capital of South Sulawesi located strategically and functions as the centre of communication between the west and east provinces as well as the north and southern Indonesia. The location serves as a powerful pull factor to migrants. In 2000, the population was 1.1 million, and 38.2 percent were migrants. The figure increased in 2010 to 43.62 percent. Greatest figures originated from the town Bone, followed by Tana Toraja and Jeneponto.

Migrant characteristics are varied, ranging from total, age, gender, marital status, education, employment etc. Migration is identified as the cause of high population density, pressures on the environment, increased in available manpower, education, job competition, crime rates and settlement congestion. Therefore the authority of the Makassar city ought to have policies, strategies and planning and implementation of laws in order to overcome the problems associated with migration.

Keywords: *migrants, migration, social mobility, Makassar*

Pendahuluan

Aktiviti migrasi terjadi bukan sahaja dalam negara, tetapi juga merentasi batas sempadan negara. Wiyono (1994) menyatakan bahawa perpindahan penduduk di antara negara di Asia Tenggara dan luar Asia Tenggara meningkat dari segi jumlah, gender, sosial, ekonomi dan budaya selama beberapa tahun terakhir, menyebabkan munculnya permasalahan sosial dan ekonomi di tempat asal dan di negara destinasi. Manakala Chotif (1999) menyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi perpindahan antara negara termasuklah perbezaan tahap pembangunan, ciri kependudukan, konflik politik, menurunnya daya tampung persekitaran, polisi kerajaan, hubungan sejarah dan politik antara suatu negara dengan negara lain. Ini selari dengan apa yang dikemukakan oleh Nasution (1999) bahawa perbezaan demografi, budaya dan model pembangunan yang diterapkan menyebabkan kemajuan sosial ekonomi yang dicapai setiap negara pelbagai. Perbezaan tersebut mendorong penduduk meninggalkan negara asalnya untuk mencari kehidupan yang lebih baik di negara lain yang memiliki peringkat ekonomi tinggi daripada negara asal mereka seperti kedatangan orang Indonesia di Malaysia terutama tenaga kerja. Sedangkan migrasi keluar negeri di Filipina khususnya tenaga kerja adalah sebahagian dari model budaya Filipina yang merujuk pada nilai-nilai, keyakinan, pendidikan, norma-norma sosial dan prilaku lain yang memegang nilai sosial. Migrasi sebagai strategi untuk mencipta perubahan hidup yang lebih baik (Nitithan, 2011).

Migrasi di Indonesia perlu dikaitkan dengan cara polisi kerajaan yang melaksanakan pembangunan wilayah sebagai daerah alternatif dan destinasi para migran. Migrasi ini boleh dikatakan sebagai migrasi sumber manusia secara sukarela (Chotif, 1999), terutama ke bandar utama.

Dalam rangka perancangan berkaitan mobiliti penduduk sebagai tunjang pembangunan wilayah, maka pengetahuan tentang pola mobiliti di berbagai-bagai daerah di Indonesia perlu diketahui. Rancangan yang mampu mempengaruhi taburan penduduk yang lebih seimbang adalah strategik pembangunan wilayah. Strategi pembangunan wilayah adalah untuk mendorong terjadinya keseimbangan penduduk dan pembangunan sosial ekonomi dalam meningkatkan kesejahteraan awam dan kelangsungan hidup (Abustam, 1989). Para pakar ilmu sosial melihat migrasi dari sudut proses untuk mempertahankan hidup dan harus dilihat dalam erti yang luas iaitu dalam konteks ekonomi, sosial, politik mahupun budaya (Tjiptoherijanto, 2000). Di samping itu, migrasi merupakan strategi untuk memperbaiki kesejahteraan individu dan keluarga yang akhirnya memberi impak positif dan negatif. Antara impak positif

dalam aspek industri di kota dapat memenuhi keperluan tenaga kerja terutama tenaga kerja kasar dan menengah dari desa (Wiyono, 1994).

Pernyataan Permasalahan

Makassar sebagai salah satu bandar besar di Indonesia merupakan daerah destinasi para migran kerana kedudukannya yang strategik. Malik (2003), menyatakan bahawa bandar Makassar yang terletak di tengah-tengah wilayah kepulauan nusantara, menjadikan posisi bandar Makassar ini strategik sebagai pusat pertembungan antara barat dan timur, mahupun wilayah utara ke selatan Indonesia. Posisi ini menyebabkan bandar Makassar mempunyai daya tarikan yang cukup kuat bagi para migran sama ada dari wilayah Sulawesi Selatan mahupun dari daerah lain di kawasan timur Indonesia untuk datang mencari peluang di bidang pendidikan dan ekonomi dalam meningkatkan kehidupannya. Implikasinya daripada aspek kependudukan, bandar Makassar memang biasa mempunyai pertambahan penduduk yang bukan kelahiran tempatan tetapi kerana aliran migrasi yang keluar masuk. Migrasi masuk ke bandar Makassar jika tidak dipantau akan menyebabkan pelbagai masalah seperti yang dinyatakan oleh Tjiptoherijanto (2000) bahawa pesatnya pertumbuhan di kawasan perbandaran tanpa diimbangi peluang kerja yang lebih banyak, mengakibatkan jumlah pengangguran bertambah, meningkatnya pekerja di sektor tidak formal, menimbulkan masalah sosial seperti jenayah, perbezaan tingkat sosial ekonomi, perumahan, dan merosakkan infrastruktur umum dan lain-lain.

Kehadiran migran akan memberi kesan terhadap aspek demografi, sosial ekonomi, budaya, dan persekitaran petempatan. Surianingsih (2006) menyatakan bahawa para migran akan mempengaruhi empat perkara (1) penyerapan tenaga kerja, (2) perkembangan saranan sosial masyarakat sekitar, (3) perkembangan infrastruktur dan (4) pendapatan. Lebih jauh dikatakan bahawa masalah migrasi merupakan masalah kompleks yang meliputi berbagai-bagai aspek, iaitu kesihatan, pendidikan, pemukiman, sosial ekonomi, sosial budaya dan aspek undang undang.

Untuk mengoptimalkan potensi daerah agar penduduk tempatan tidak terdorong untuk meninggalkan daerah asalnya, maka ada beberapa akta yang telah dibuat oleh kerajaan Indonesia mahupun pihak berkuasa bandar Makassar yang berkaitan dengan pembangunan nasional dalam membangun kesejahteraan awam. Ini termasuklah bidang kependudukan, pendidikan, kesihatan, dan penyimpangan kuantitatif taburan dan mobiliti penduduk yang sesuai dengan daya tampung persekitaran, pemerintah daerah (otonomi daerah) yang mengatur diri sendiri, dan perimbangan kewangan antara daerah dan pusat, serta pentadbiran kependudukan.

Namun demikian, jumlah penduduk terus menerus bertambah, khususnya di bandar Makassar. Jumlah penduduknya dari tahun ke tahun bertambah secara mutlak. Salah satu penyebabnya ialah migrasi masuk dari pelbagai daerah yang sama dan juga dari luar wilayah Sulawesi Selatan yang menyebabkan beraneka ragam etnik yang duduk dan dapat membawa impak sosial dan ekonomi kepada migran dan persekitaran di bandar Makassar.


Kajian ini bertujuan mengetahui pola dan ciri migrasi serta impak sosial dan ekonomi di bandar Makassar dengan menggunakan data Banci Penduduk Sulawesi

Selatan tahun 2000 dan Angka sementara Banci Penduduk Sulawesi Selatan tahun 2010 serta beberapa hasil penyelidikan, hasil pembentangan, jurnal dan lain-lain.

Kawasan Kajian

Dari sudut geografi, bandar Makassar terletak di pesisir Pantai Barat Sulawesi Selatan pada kordinat $119^{\circ} 24' 17' 38''$ Bujur Timur dan $5^{\circ} 8' 61' 9''$ lintang selatan dengan ketinggian wilayah bervariasi antara 0 – 25 meter dari permukaan laut, dengan suhu antara 20 C sampai dengan 32 C. Luas wilayah 175,77 kilometer persegi. Dari segi pertadbiran, bandar Makassar terbagi-bagi dalam 14 wilayah kecamatan, terdiri daripada 143 kelurahan. Batas sempadan di sebelah utara dan timur, kabupaten Maros, sebelah selatan, kabupaten Gowa dan sebelah barat adalah Selat Makassar (Peta 1).

Peta 1 Kawasan Administratif dan Kawasan Migran Bandar Makassar



Bandar Makassar sebagai ibu kota daerah Sulawesi Selatan terletak dilokasi strategik dan berfungsi sebagai pusat perhubungan antara wilayah barat ke timur dan juga dari wilayah utara ke selatan Indonesia. Posisi ini menyebabkan bandar Makassar mempunyai daya tarik yang kuat bagi para migran, baik dari wilayah Sulawesi Selatan mahupun dari wilayah lain di Indonesia.

Bandar Makassar menduduki tempat pertama terbanyak menerima masuk migran berbanding dengan 24 bandar/kabupaten yang ada di wilayah provinsi Sulawesi Selatan, sehingga kepadatan penduduk terjadi peningkatan dari 6,330 orang/kilometer pada tahun 2000 menjadi 7590 orang/kilometer pada tahun 2010. Kadar pertumbuhan

penduduk 2000-2006 adalah 1.75 peratus turun menjadi 1.63 peratus pada tahun 2010. Nisbah kelahiran kasar menurun dari tahun 2000 hanya 2.4 peratus menjadi 2.19 peratus pada tahun 2010, sedangkan jumlah migran dari tahun 2000 dan 2010 terjadi peningkatan dari 38.2 peratus menjadi 43.62 peratus. Ini bererti migran mempengaruhi komposisi penduduk di bandar Makassar

Dapatan Kajian: Pola dan Ciri Migrasi

Untuk membincangkan pola migrasi di bandar Makassar, tumpuan difokuskan kepada beberapa perkara seperti jumlah migran, umur dan jantina, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan, dan lain-lain.

Jumlah Migran

Jumlah penduduk bandar Makassar pada tahun 2000 ialah 1,100,019 orang dan pada tahun 2010 meningkat kepada 1,334,107 orang atau bertambah 21.28 peratus. Sebanyak 38.2 peratus daripada jumlah penduduk tahun 2000 adalah migran. Nisbah ini meningkat pada tahun 2010 kepada 43.62 peratus. Jumlah migran ini tersebar di 14 Kecamatan (mukim). Kecamatan Tamalate menerima penduduk migran terpadat (24.1 peratus), kecamatan Biringkanaya (21.2 peratus), kecamatan Panakukang (19.5 peratus), sedangkan kecamatan yang terkecil jumlah migrannya iaitu kecamatan Ujungpandang (2.1 peratus) dan kecamatan Wajo (2.6 peratus). Migran yang paling ramai adalah berasal dari wilayah kabupaten Bone (10.5 peratus), Tator (8.8 peratus), Jeneponto (7.5 peratus) dan selebihnya tersebar pada sembilan kecamatan lainnya (BPS, 2000)

Migran di bandar Makassar pada tahun 2010, adalah terdiri daripada berbagai-bagai etnik. Etnik yang paling ramai adalah etnik Makassar (42.7 peratus), diikuti etnik Bugis (31.3 peratus), Tana Toraja 5.5 peratus), Jawa (5.3 peratus), dan selebihnya tersebar pada beberapa etnik lainnya (Suharsono, 2010).

Umur dan Jantina

Jika dilihat pada **Jadual 1**, struktur umur dan jantina migran menunjukkan kumpulan penduduk terbanyak pada umur 15-64 tahun dengan nisbah 85 peratus, terutama pada kumpulan penduduk umur 20 -34 tahun sama ada lelaki mahupun perempuan.

Jadual 1 Penduduk Migran Menurut Kelompok Umur dan Jantina Tahun 2000 (%)

Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
0 - 4	3.17	2.96	3.06
5 - 9	3.86	3.65	3.75
10 - 14	4.18	4.14	4.16
15 - 19	9.15	10.81	9.99

Jadual 1 (samb.)

20 - 24	17.23	19.24	18.25
25 - 29	13.98	14.08	14.03
30 - 34	11.10	10.65	10.87
35 - 39	8.83	8.02	8.42
40 - 44	7.49	6.45	6.96
45 - 49	5.69	4.95	5.31
50 - 54	4.92	4.63	4.77
55 - 59	3.68	3.42	3.55
60 - 64	2.95	2.82	2.88
65 - 69	1.71	1.80	1.75
70 - 74	1.23	1.29	1.26
75 +	0.84	1.12	0.98
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Sumber: Diolah dari BPS (2000)

Ini bererti bahawa penduduk usia produktif yang melakukan migrasi sangat besar berbanding dengan kumpulan penduduk usia muda umur 0-14 tahun hanya 11 peratus dan kumpulan penduduk usia tua umur 65 tahun ke atas sebanyak 4 peratus. Nisbah jantina menunjukkan nisbah perempuan lebih besar mencapai 51 peratus berbanding dengan lelaki hanya 49 peratus.

Status Perkahwinan

Status perkahwinan merupakan faktor pendorong bagi mobiliti untuk migran mengambil keputusan sama ada berpindah atau sebaliknya. Status perkahwinan mempengaruhi besar kecilnya keperluan yang harus dipenuhi (Lihat **Jadual 2**). Status berkahwin didapati mencapai 48.9 peratus, diikuti belum berkahwin 46.4 peratus dan cerai hidup/mati hanya 4.7 peratus. Ini bererti migran yang berkahwin memiliki tanggungjawab yang besar dalam memenuhi keperluan hidup keluarganya sehingga melakukan perpindahan ke bandar Makassar termasuk juga migran yang berstatus belum berkahwin yang harus memiliki rasa tanggungjawab membantu keluarga dan memantapkan proses ekonomi migran itu sendiri jika mereka berkeluarga.

Jadual 2 menunjukkan migran yang berstatus belum berkahwin dan berkahwin tidak jauh beza peratusnya berbanding dengan bukan migran, tetapi dari segi status berkahwin migran (48.9 peratus) jauh lebih besar berbanding dengan bukan migran (28.1 peratus). Hal ini kerana purata para migran kelompok umur produktif yang banyak melakukan migrasi keluar.

Jadual 2 Taburan Migran dan Bukan Migran Menurut Status Perkahwinan di Bandar Makassar Tahun 2000 (%)

Status berkahwinan	Penduduk (%)		
	Bukan Migran	Migran	Jumlah
Belum Berkahwin	69.0	46.4	60.1
Berkahwin	28.1	48.9	36.4
Cerai hidup	0.8	0.8	0.8
Cerai mati	2.1	3.9	2.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Diolah dari BPS (2000)

Pendidikan

Pola pendidikan penduduk bandar Makassar khususnya migran menunjukkan nisbah terbesar pada Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) sebesar 39.9 peratus dibanding dengan bukan migran yang hanya 26 peratus. Perkara ini terjadi kerana purata para migran yang melanjutkan pendidikan ke bandar Makassar adalah kelompok berumur dewasa, sedangkan penduduk yang belum/tidak ke sekolah dalam kalangan bukan migran adalah kira-kira 29.6 peratus lebih tinggi berbanding dengan migran, iaitu hanya 12.6 peratus. Ini adalah kerana purata kelompok migran yang muda adalah kurang melakukan aktiviti migrasi.

Senario pendidikan di bandar Makassar ini menunjukkan bahawa migran mempunyai tingkat pendidikan yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk tempatan di bandar Makassar.

Jadual 3 Taburan migran dan bukan migran berdasarkan latar belakang pendidikan di Bandar Makassar, 2000

Taraf Pendidikan	Penduduk (%)		
	Bukan Migran	Migran	Jumlah
Belum/Tidak sekolah	29.6	12.6	22.3
SD/Setara	22.3	18.3	20.6
SLTP/Setara	16.2	14.2	15.3
SLTA/Setara	26.1	39.9	32.0
Perguruan Tinggi	5.8	15.0	9.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Diolah dari BPS (2000)

Namun, jika dibandingkan tingkat pendidikan migran yang ada pada **Jadual 3** dengan hasil penyelidikan yang dilakukan penulis di bandar Makassar pada tahun 2011 ternyata migran tahun 2000 yang berpendidikan Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) ke bawah sebanyak 45.1 peratus tidak jauh berbeza dengan hasil kajian penulis iaitu 46.7 peratus. Manakala migran tahun 2000 yang berpendidikan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) hingga Perguruan Tinggi mencapai 54.9 peratus berbanding dengan tahun 2011 sebanyak 53.3 peratus (Nyompa 2011).

Pekerjaan

Berasaskan pola status pekerjaan penduduk tempatan menunjukkan bahawa buruh/karyawan/pekerja dibayar 60.0 peratus lebih besar berbanding dengan berusaha/bekerja sendiri (30.3 peratus) mahupun dengan status pekerja lain. Faktor ini menyebabkan berlakunya keterbatasan peluang pekerjaan kerana terjadinya persaingan di antara golongan migran dan penduduk tempatan. Tambahan pula golongan migran di bandar Makassar memang bergantung kepada pekerjaan sebagai buruh (**Jadual 4**)

Jadual 4 Taburan Migran dan Bukan Migran Menurut Pekerjaan di Bandar Makassar Tahun 2000

Status Pekerjaan	Penduduk (&)		
	Tempatan	Migran	Jumlah
Berusaha/bekerja sendiri	30.3	26.0	28.0
Berusaha dibantu dengan buruh tidak tetap	2.1	1.9	2.0
Berusaha dibantu dengan buruh tetap	1.7	1.6	1.6
Buruh/karyawan/pekerja dibayar	60.3	66.5	63.6
Pekerja tidak dibayar	5.6	4.0	4.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Diolah dari BPS (2000)

Daripada pemerhatian, didapati bandar Makassar semakin kurang peluang untuk mendapatkan pekerjaan di sektor formal kerana jawatan yang terbatas. Namun untuk bekerja sebagai buruh tidak terlalu ketat kerana tidak memerlukan kelulusan pendidikan yang tinggi, memiliki keahlian atau keterampilan khusus tapi cukup dengan tenaga yang kuat.

Faktor Pendorong dan Penarik Migrasi

Proses migrasi di bandar Makassar disebabkan oleh faktor pendorong dan faktor penarik, sama ada di daerah asal mahupun di destinasi. Hal ini sama dikemukakan oleh Munir (2005) bahawa ada faktor pendorong dan faktor penarik. Faktor pendorong iaitu: (1) makin berkurangnya sumber daya alam, (2) terhad peluang pekerjaan di

tempat asal, (3) adanya tekanan atau diskriminasi politik, agama, suku di daerah asal, (4) alasan pekerjaan atau perkahwinan, (5) bencana alam dan wabak penyakit. Manakala faktor penarik pula, iaitu: (1) adanya kesempatan untuk menceburi bidang pekerjaan yang sesuai, (2) kesempatan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik, (3) kesempatan mendapatkan pendidikan yang tinggi, (4) keadaan persekitaran dan keadaan hidup yang menyenangkan, (5) tarikan orang yang diharapkan untuk berlindung dan (6) adanya aktiviti di kota besar sebagai daya tarik orang dari desa.

Lee (1976) menyatakan bahawa proses migrasi itu dipengaruhi oleh empat faktor, iaitu: (1) faktor yang terdapat di daerah asal, (2) faktor yang terdapat di daerah destinasi, (3) rintangan dan (4) faktor individu. Abustam (1989) dan Daryanto (1996) pula menyatakan bahawa alasan pindah adalah kerana faktor ekonomi dan tekanan penduduk, politik, sosial, agama, pendidikan, semangat membara, kelembagaan sosial, budaya, lokasi dan daya persekitaran.

Beberapa hasil penyelidikan di bandar Makassar menunjukkan bahawa faktor pendorong migran adalah kerana pendapatan di daerah asal sangat rendah, kurang peluang pekerjaan dan faktor musim (Solie, 2003). Menurut Mutty (2003), faktor pendorong termasuklah ekonomi, mencari kepuasan diri/pengakuan sosial, faktor budaya dan faktor lainnya. Nurmala (2004) pula menyatakan bahawa selain dari faktor pendorong yang dikemukakan di atas, terdapat pula faktor tekanan politik di daerah asal. Manakala faktor penarik di kawasan destinasi antara lain, ialah penghasilan yang lebih baik/lebih tinggi, adanya informasi/berita atau pengaruh suasana kota dari sanak saudara/kawan/kerabat, ingin mencari pengalaman hidup di bandar, ikut orang tua/suami/famili, fasiliti pendidikan yang lebih baik (Solie, 2003; Mutty, 2003 & Nurmala 2004). Pengkaji pula mendapati faktor penarik migran ke bandar Makassar antara lain ialah pendapatan yang tinggi, pendidikan yang lebih baik, ikut keluarga, pindah tugas dan fasiliti yang lebih baik/lengkap. Sedangkan faktor pendorong pula adalah pendapatan yang rendah, pendidikan yang kurang/terbatas, sokongan keluarga, keamanan dan persekitaran, kurang senang dengan keluarga (Nyompa 2011).

Analisis Impak Migrasi

Kehadiran migran di bandar Makassar didapati memberi impak terhadap aspek sosial dan ekonomi, terutama yang berkaitan dengan kepadatan dan tekanan persekitaran, penawaran tenaga kerja meningkat, staus pendidikan meningkat, persaingan pekerjaan, peningkatan jenayah, penempatan sesak dan polisi kerajaan dalam menangani masalah tersebut di bandar Makassar.

Kepadatan dan tekanan persekitaran

Prijono (2000) menyatakan bahawa kadar pertumbuhan penduduk kota pada dua dasawarsa terakhir ini menunjukkan peningkatan yang sangat pesat. Pertumbuhan penduduk kota di Indonesia sekitar 65 peratus disebabkan kerana migrasi dan reklasifikasi, hanya sebesar 35 peratus disebabkan oleh pertumbuhan penduduk secara asli (natural). Seperti halnya penduduk bandar Makassar yang terus bertambah dari tahun ke tahun dari berbagai daerah dan pelbagai etnik, mengakibatkan peningkatan

kepadatan penduduk seperti terlihat pada tahun 2000. Kepadatan penduduk seramai 6,330 orang/kilometer meningkat menjadi 7,590 orang/km² pada tahun 2010, sedangkan keluasan wilayah bandar Makassar tidak bertambah. Dengan bertambahnya penduduk dari desa ke bandar untuk tinggal dan berkembang di kota tersebut, maka kota akan semakin padat dan akhirnya memberi impak dengan munculnya fenomena fizik, sosial dan ekonomi, yang kesemuanya akan mengakibatkan keresahan dan kerawanan dalam masyarakat. Di samping itu turut terbentuk penempatan kotor di mana para migran membangun pemukiman disekeliling kota yang menempati tanah-tanah kosong. Cangara (1997) menyatakan penempatan kotor merefleksikan tiga fenomena iaitu; 1) aspek yang *bobrok* dan berserabut; 2) posisi sosial ekonomi penghuninya yang melarat; 3) aspek jenayah dan keamanan.

Ini memberi implikasi buruk dari kemunculan penempatan kotor di beberapa wilayah di bandar Makassar. Di samping itu dengan padatnya penduduk, peluang terjadinya konflik antara penduduk atau antara etnik dalam wilayah bandar Makassar memang boleh berlaku. Oleh kerana itu, kerajaan perlu menggubal dasar baru untuk menyusun semula penempatan setingan. Kemudahan perumahan murah perlu dibina untuk penduduk terutama bagi para migran, serta menciptakan persekitaran yang kondusif bagi penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik yang mendiami wilayah tersebut.

Penawaran tenaga kerja meningkat

Dalam **Jadual 1**, didapati komposisi umur migran di bandar Makassar pada kelompok umur 15-64 sangat besar dibandingkan dengan penduduk usia muda (0-14) dan yang berusia tua (65 keatas). Sehubungan dengan komposisi umur migran, nisbah beban tanggungan (dependency ratio) migran adalah agak kecil iaitu sebanyak 35 peratus. Berdasarkan struktur umur, kehadiran migran memberi impak terhadap pertambahan penduduk terutama dalam golongan usia produktif. Hal ini dapat dilihat dari data yang ada pada Badan Pusat Statistik Sulawesi Selatan (BPS,2000), menunjukkan bahawa purata umur migran pada usia 32.57 sedangkan penduduk tempatan pada usia 22.33 tahun. Ini memberi kesan secara langsung terhadap permintaan untuk barangan dan perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan dan sebagainya, di samping menyebabkan meningkatnya penawaran kerja, termasuk didalamnya adalah para migran mencari kerja, sehingga peranan penting kerajaan dalam menyediakan keperluan barang dan sumbangan serta keperluan pokok (kesihatan, makanan, pendidikan, perumahan dan pakaian) kepada penduduk yang pada gilirannya keperluan akan barang agar dapat terpenuhi secara baik dan akan meningkatkan kualiti penduduk di bandar Makassar. Dengan sendirinya akan berimpak positif terhadap kelahiran, kematian dan perpindahan penduduk sendiri.

Jantina sebagai ciri individu para migran menunjukkan bahawa kedatangan di bandar Makassar berakibat makin memperlebar kesenjangan antara proporsi laki-laki dengan perempuan, dengan jumlah migran perempuan yang lebih tinggi dibandingkan migran laki-laki. Ini mengakibatkan rendahnya nisbah rasio jantina para migran sebanyak 99.5 peratus, dan rendahnya angka tersebut juga berimpak terhadap rasio jantina total penduduk bandar Makassar yang mencapai 97.2 peratus (BPS ,2000)

Implikasi penurunan angka rasio jantina adalah sebanyak 2.3 peratus (dari 99.5

peratus menjadi 97.2 peratus) berbanding rasio jantina penduduk tanpa migran. Keadaan ini akan membuka peluang kepada penduduk tempatan untuk kahwin dengan wanita migran, namun faktor pendidikan boleh menghalang terjadinya hal tersebut kerana wanita migran cenderung mempunyai pendidikan yang lebih tinggi. Kehadiran migran wanita dengan pendidikan yang relatif lebih tinggi berbanding kepada kesetaraan gender, sehingga peranan kerajaan juga amat diperlukan untuk memperkasakan/mengupayakan migran dengan menfasilitasi keperluan asas penduduk terutama para wanita.

Status pendidikan meningkat

Secara umum tingkat pendidikan penduduk bandar Makassar dilihat pada jadual 3, di mana usia 5 tahun ke atas masih tergolong rendah dari Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) kebawah sebanyak 58.2 peratus bahkan pendidikan penduduk tempatan lebih tinggi lagi sebanyak 68.1 peratus dibandingkan dengan migran Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) ke bawah hanya 45.1 peratus. Pendidikan migran Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) ke atas lebih besar, iaitu 54.9 peratus, sedangkan pendidikan penduduk tempatan hanya 31.9 peratus. Ini bererti bahawa pendidikan migran di bandar Makassar lebih tinggi dibandingkan pendidikan penduduk tempatan. Hasil survei urbanisasi (BPS, 2000) menjelaskan bahawa alasan pindah terbesar adalah untuk memperoleh pendidikan yang lebih baik dan jurang yang lebih tinggi sebanyak 63 peratus sedangkan jurang pendidikan migran masuk terbesar adalah pada lepasan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) sebanyak 50.9 peratus. Hukum migrasi Ravensstein menyebutkan bahawa golongan berpendidikan tinggi biasanya lebih ramai melaksanakan mobiliti berbanding golongan pendidikan rendah. Hal ini sealiran seperti yang dikemukakan Abustam (1989) iaitu ada kecenderungan penduduk yang memiliki pendidikan tinggi akan semakin tinggi pula gerah penduduknya, sebaliknya mereka yang berpendidikan rendah, maka rendah pula migrasi penduduknya.

Impak lain ialah meningkatnya permintaan terhadap pendidikan dan latihan, dan dengan itu, peranan aktif kerajaan untuk mengantisipasi permintaan tersebut dan dengan menyediakan fasiliti pendidikan dan pelatihan maka ini akan menghasilkan output lebih tinggi terhadap taraf pendidikan masyarakat di bandar Makassar.

Persaingan pekerjaan

Pada **Jadual 4**, menunjukkan bahawa status pekerjaan penduduk yang berusia 15 tahun keatas yang bekerja di bandar Makassar terbanyak berada pada status buruh/karyawan/pekerja dibayar sebanyak 63.6 peratus, diikuti pekerja berusaha/bekerja sendiri sebanyak 28.1 peratus, dan selebihnya pekerja lain sebanyak 8.4 peratus.

Membandingkan kategori pekerja yang berstatus buruh antara pekerja migran dan penduduk tempatan menunjukkan proporsi yang lebih besar pada kelompok pekerja migran iaitu kira-kira 66.5 peratus, sedangkan pekerja lokal sebanyak 60.3 peratus. Dari sudut lain, proporsi pekerja yang berusaha (berusaha sendiri mahupun berusaha dibantu buruh tetap atau tidak tetap) dari para migran sebanyak 30 peratus, sedangkan selain migran sebanyak 32.4 peratus. Perbandingan ini menunjukkan pekerja migran

mempunyai kecenderungan bekerja sebagai buruh/pegawai/pekerja dibayar berbanding dengan berusaha, samada sendiri mahupun dibantu, atau pun tetap mahupun tidak tetap.

Kecenderungan tersebut didasari pada tingkat pendidikan yang ditamatkan para migran lebih tinggi berbanding pekerja bukan migran, sehingga mereka lebih mudah untuk mendapat pekerjaan di institusi formal. Impaknya ialah, pekerja tempatan yang berpendidikan yang lebih rendah akan sukar bersaing dengan pekerja migran, yang memerlukan mereka berusaha di sektor informal yang lebih mencabar dibandingkan kemampuan mereka. Oleh itu, kerajaan perlu menangani masalah ini agar tidak menimbulkan keresahan di tengah-tengah masyarakat bandar Makassar dengan cara membuka lokasi lapangan kerja di sektor informal.

Peningkatan Jenayah

Menurut Nurmala (2004) kehadiran migran di bandar Makassar berimpak terhadap keadaan persekitaran kerana perilaku migran, termasuk mabuk (27.33 peratus), perkelahian secara berkelompok (22.67 peratus), perjudian (25.33 peratus) dan lain lain (24.67 peratus). Ini mungkin kerana keadaan kehidupan di bandar amat mencabar, di mana migran dari luar bandar tanpa berbekal pendidikan yang memadai, ketrampilan yang cukup, tanpa atau kurang modal untuk berusaha sendiri dan kurangnya persiapan mental dalam menghadapi permasalahan di bandar, menjerumuskan mereka ke jurang jenayah. Pergaduhan sering berlaku di bandar Makassar sehingga 48 peratus daripadanya terjadi ekoran daripada pertikaian (Nurmala, 2004). Menurut Abdulsyani (2002) pertikaian yang terjadi adalah berkaitan dengan masalah ekonomi, politik, budaya dan sebagainya

Kesesakan Petempatan

Salah satu pengaruh negatif akibat migrasi ke kota adalah terbentuknya petempatan sesak. Daerah seperti ini banyak mendapat sorotan dari para perencana kota dan kerajaan kerana banyak menimbulkan masalah, baik masalah sosial mahupun kesihatan (Formbes, 1986).

Migrasi yang tidak terkawal boleh menyebabkan wujudnya kawasan *slum* dan kampung di tengah kota yang sesak dan tidak terurus yang akan menjejaskan keadaan kesihatan dan juga kualiti hidup. Beberapa wilayah di pinggir bandar Makassar terdapat pemukiman kumuh atau penempatan kotor yang diwujudkan oleh migran. Kebanyakan mereka tidak mampu menyewa rumah atau kediaman kerana pendapatan tidak cukup untuk memenuhi keperluan hidup. Walaupun kerajaan telah membina rumah murah jenis 21, jenis 36, dan jenis 54 sebanyak 157 buah pada tahun 2008 dan ditingkatkan menjadi 199 buah pada tahun 2009 bahkan Realestat telah membangun rumah lebih banyak mencapai 8,739 buah pada tahun 2009 dengan berbagai jenis yang tersebar di wilayah bandar Makassar untuk memenuhi keperluan rumah bagi penduduk bandar Makassar termasuk migran, namun petempatan kotor masih muncul di beberapa wilayah di bandar Makassar.

Impaknya ialah persekitaran bandar Makassar kotor dan keadaan sanitasi persekitaran adalah tidak baik, sehingga dapat menimbulkan pelbagai masalah

kesihatan. Oleh itu, pihak kerajaan terpaksa merobohkan penempatan kotor seperti ini dan atau memindahkan penghuni ke lokasi yang sudah disediakan oleh kerajaan.

Penutup

Migrasi merupakan suatu keperluan bagi sebahagian penduduk untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Tindakan mereka untuk melakukan migrasi bergantung kepada faktor pendorong dan faktor penarik yang mereka rasakan sendiri. Di bandar Makassar migran datang dari pelbagai daerah dan terdiri daripada pelbagai etnik sama ada di dalam mahupun di luar kawasan bandar Makassar. Etnik yang menetap di bandar Makassar terdiri daripada orang Makassar, Bugis, Tator dan Jawa dengan beraneka ragam ciri sosial dan ekonomi, sehingga bandar Makassar menjadi kawasan yang padat penduduknya di Sulawesi Selatan.

Pesatnya pertumbuhan penduduk bandar Makassar telah mempengaruhi perubahan komposisi penduduk dari segi jumlah, umur/jantina, status perkahwinan, serta membawa perubahan kepada ciri penduduk seperti keadaan pendidikan, pekerjaan, kejadian jenayah, dan perubahan mutu alam sekitar. Kehadiran migran telah memberikan impak terhadap aspek sosial dan ekonomi yang antara lain seperti kepadatan dan tekanan persekitaran, penawaran tenaga kerja meningkat, peningkatan status pendidikan, persaingan pekerjaan, peningkatan jenayah, dan kesesakan penempatan. Kajian ini menyarankan pihak berkuasa perlu menggubal polisi, strategi dan rancangan untuk mengatasi masalah ini melalui perancangan membuka peluang pekerjaan, penyediaan fasiliti pendidikan, perumahan dan perancangan persekitaran serta perlunya pelaksanaan undang-undang yang tegas disamping memberi otonomi daerah, perimbangan kewangan antara daerah dan pusat dan pentadbiran kependudukan jangka panjang agar penduduk lokal dan migran di bandar Makassar dapat menikmati kehidupan yang baik.

Rujukan

- Abdulsyani. (2002). Sosiologi Skematik, Teori dan Terapan. Bumi Aksara:Jakarta
- Abustam, I. (1989). *Gerak Penduduk, Pembangunan dan Perubahan Sosial, Kasus Tiga Komunitas Padi Sawah Di Sulawesi Selatan*, Jakarta : Penerbit Universitas Indonesia.
- BPS (2000). Hasil Banci Penduduk Sulawesi Selatan. *Badan Pusat Statistik*, Jakarta : Indonesia.
- Cangara. (1997). Faktor-Faktor yang Berhubungan Dengan Tumbuhnya Pemukiman Kumuh dan Sektor Informal Bandar Makassar. *Pusat Studi Kependudukan UNHAS*. Makassar, Indonesia
- Chotif (1999). Migrasi : Salah Satu Faktor Penentu Dinamika Kependudukan. *Warta Demografi*, Tahun ke-29, No.3, ISSN 0125-9679. Jakarta: Lembaga Demografi Fakulti Ekonomi Universiti Indonesia.
- Daryanto (1996). *Kependudukan*. Bandung : Penerbit Tarsito Bandung.
- Formbes, D. (1981). The Peddlars of Ujungpandang, Article no.17, *Centre of Southeast Asian Studies*, Monash University, Australia.
- Lee, S.E. (1976). *Suatu Teori Migrasi*, Transl. Series, Yogyakarta : Pusat Penyelidikan Studi Kependudukan Universiti Gajah Mada.
- Malik, S. (2003). *Strategi Kelangsungan Hidup Migran Sirkuler Etnik Bugis dan Jawa di Bandar Makassar*, (Unpublished master's thesis), thesis S3, Universiti Gajah Mada, Yogyakarta.

- Munir, R. (2005). *Dasar – Dasar Demografi*. Jakarta : Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.
- Mutty, R., (2004). Keadaan Sosial Ekonomi Pelaku Mobilitasi Sirkuler Tenaga Kerja Perempuan Di Kota Makassar. (Unpublished report), *Laporan Thesis S2 Program Pascasarjana Universitas Hasanuddin*, Makassar, Indonesia.
- Nasution, M.A. (1999). *Globalisasi & Migrasi Antarneegara*, Alumni: Bandung, 199 pp.
- Nitithan, D.S. (2011). Migration as Cultural Capital : The Ongoing Dependence on Overseas Filipino Workers. *Malaysian Journal of Economic Studies*. Vol. 48, No.2, ISSN 1511-4554. Kuala Lumpur: Malaysian Economic Association & Fac. Econ. and Admin., U. Malaya.
- Nurmala. 2004. Dampak Migrasi Terhadap Kepadatan Penduduk Perkotaan di Kota Makassar. (Unpublished report), *Laporan Thesis S2 Program Pascasarjana Universitas Hasanuddin*, Makassar, Indonesia
- Nyompa, S. (2011). Migrasi dan Transformasi Sosial Ekonomi di Bandar Makassar Sulawesi Selatan, Indonesia. (Unpublished report), on-going dissertation, *Fac. Soc. Sci. & Humanities, Univ.Kbg. M'sia.*, M'sia
- Solie, A.T., (2003). Analisis Karakteristik Sosial Ekonomi Migran Sirkuler di Kota Makassar (Kasus Pekerja Bangunan). (Unpublished report), *Laporan Thesis S2 Program Pascasarjana Universitas Hasanuddin*, Makassar, Indonesia
- Suharsono. N. (2010). Angka Sementara Banci Penduduk 2010 Sulawesi Selatan. Paper in *Seminar Statistik Dalam Rangka Hari Jadi Statistic & World Statistics Day*, Makassar: Sulawesi, 2 Nov. 2010.
- Surianingsih (2006). Pola Migrasi di Provinsi Sumatera Utara. *Jurnal Equality*, Vol. 11 No. 2, Univ. Sumatera Utara, Indonesia
- Tjiptoherijanto, P. (2000). Mobilitasi Penduduk dan Pembangunan Ekonomi, *Warta Demografi; Otanomi Daerah dan Aspek Penduduk*, Tahun ke 30 No.3. 2000. Jakarta : Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.
- Wiyono, N.H. (1994). Mobilitasi Penduduk dan Revolusi Transportasi. *Warta Demografi*, Tahun ke-24, No.3 ,ISSN 0125-9679. Jakarta : Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.

Jurnal Perspektif

ORIGINALITY REPORT

4%

SIMILARITY INDEX

3%

INTERNET SOURCES

1%

PUBLICATIONS

2%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1

repositori.uin-alauddin.ac.id

Internet Source

1%

2

text-id.123dok.com

Internet Source

<1%

3

Submitted to Ajou University Graduate School

Student Paper

<1%

4

digilibadmin.unismuh.ac.id

Internet Source

<1%

5

ijier.net

Internet Source

<1%

6

Submitted to Myongji University Graduate School

Student Paper

<1%

7

archive.org

Internet Source

<1%

8

docplayer.info

Internet Source

<1%

9

www.unisosdem.org

Internet Source

<1%

digilib.stainpalangkaraya.ac.id

10

Internet Source

<1 %

11

pt.scribd.com

Internet Source

<1 %

12

www.panritalopi.com

Internet Source

<1 %

13

core.ac.uk

Internet Source

<1 %

Exclude quotes On

Exclude matches Off

Exclude bibliography On